

# Aiman juara Trofi Tunku Imran

Oleh Zaini Salihin

sukan@mediaprima.com.my

**Mantin:** Seramai 180 peserta menyertai kejohanan Trofi Tunku Imran 2013, pertandingan golf maraton 27 lubang di Staffield Country Resort, baru-baru ini.

Pertandingan golf tradisi ini inisiatif Tunku Imran Tuanku Jaafar sejak 18 tahun lalu dengan penyertaan terbuka kepada ahli kelab dan juga jemputan.

Penyelaras Kejohanan Yunus Ismail berkata, saingan tahun ini meriah dan dirasmikan Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar di samping menawarkan hadiah menarik.

Kejohanan dibahagikan kepada beberapa kategori dengan peraturan permainan berdasarkan lubang tersembunyi bagi menda-

AIMAN (kiri)  
menerima piaku  
daripada  
Tunku Imran.



patkan handicap.

Dalam kategori gross lelaki, Aiman Jaafar, handicap 0 muncul juara dengan mengumpul 109 pukulan mengatasi Han Chong Ching (2) di tempat kedua, 111 dan Tan Kai Lim (10) ketiga, 118.

Mohd Radzi Hussin pula menjuarai kategori nett, 105 nett, diikuti Cheng Heng Loy

kedua, 106.2. Kim Han Hi (16) muncul juara kategori gross wanita dengan 131 pukulan manakala Agnes Lee (18) memenangi kategori nett perempuan, 115.

Dr Anuar Haron pula mengungguli kategori jempatan dengan 107 nett. Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Tunku Imran.